

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"KEKUATAN Islam terletak pada Al-Qur'an. Kekuatan Al-Qur'an pula terletak pada keasliannya yang tidak dicemari oleh tangan-tangan manusia. Adalah menjadi tanggungjawab setiap kita untuk mempertahankan, memelihara dan menjaga keaslian tersebut. Antara cara kita mempertahankan, memelihara dan menjaga keaslian itu, ialah melalui aktiviti penghafalan ayat-ayat Al-Qur'an itu."

- Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1433 Hijrah/2012 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya : demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur terhadap nikmat itu, maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala Surah Ibrahim, ayat 7).

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.42

SUBUH
4.52

SYURUK
6.15

DUHA
6.39

ZUHUR
12.27

ASAR
3.52

MAGHRIB
6.38

ISYAK
7.52

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 /
BILANGAN 85

17 JULAI 2017 / 1438 22 شوال

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA



دولت كباوكة دولي توان قاتيق

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK



Pertumbuhan ekonomi terus dilaksanakan

Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman,
Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah gembira menyaksikan pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan ke arah bidang pertumbuhan ekonomi.

Baginda bertitah dua pendekatan utama sedang difokus bagi memastikan bahawa pertumbuhan adalah benar-benar berlaku.

"Pendekatan pertama ialah meningkatkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan kedua menyokong serta menggalakkan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana untuk mampu menembusi pasaran-pasaran serantau dan antarabangsa. Dan untuk ini beta mahu, supaya sektor awam dan swasta sama-sama berganding bahu mempertingkatkan daya inovasi dan kreativiti masing-masing, sehingga mampu menghasilkan produk atau perkhidmatan berkualiti," titah baginda.

Ke muka 3



Muka 18

SERAMAI 20 anak damit
15 Julai diraikan



Muka 20

BRUNEI dilantik selaku
Presiden ASSC



KEBAWAH Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-71 Tahun di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman. - Foto : Masri Osman.

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan
Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217

Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : www.pelitabrunei.gov.bn

Bekerjasama membina masyarakat inklusif

Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinnya jua kita pada pagi ini dapat hadir ke Majlis Perasmian Blok Rehabilitasi Baharu Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah pada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam kerana telah berjaya melaksanakan dan menyelesaikan projek ini.

Dalam menyokong usaha kerajaan, Pusat Ehsan secara berterusan telah menyediakan penjagaan dan khidmat berkualiti kepada masyarakat berkeperluan khas di Brunei selama 17 tahun.

Saya difahamkan bahawa Blok Rehabilitasi tersebut adalah Fasa 1 dari pelan pembangunan semula Pusat Ehsan ini.

Pembangunan sangat penting kerana ia adalah manifestasi yang banyak membantu melalui sokongan awam-swasta-masyarakat dan pembukaan blok ini menyaksikan permulaan lembaran baharu dalam sejarah perkhidmatan-perkhidmatan Pusat Ehsan dan saya tahu perkembangan baharu ini, seperti semua perkhidmatan, dipandu oleh amalan penjagaan serta penyayang dalam mencapai dan meningkatkan kehidupan individu-individu berkeperluan khas di negara ini.

Alhamdulillah, budaya masyarakat Brunei kita dibina di atas dasar pemedulian dan belas kasihan terhadap orang lain. Kita bangga melihat penyertaan aktif di antara Pusat Ehsan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda



SABDA Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah semasa Majlis Perasmian Blok Rehabilitasi Baharu Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Fasa 1, di Kampung Bengkurong, pada 18 Syawal 1438 Hijrah bersamaan 13 Julai 2017 Masihi.

Terjemahan dari teks asal
dalam bahasa Inggeris oleh
Hajah Apsah Haji Sahdan

Sultan dan Yang Di-Pertuan. Dengan semangat ini kita perlu bekerjasama, membina masyarakat inklusif - yang menggabungkan orang dengan kebolehan fizikal dan mental yang berbeza ke dalam

Bagaimanapun masih banyak yang perlu dilakukan dalam aspek ini, kita perlu menjana perubahan positif melalui kerjasama dan perkongsian juga bekerjasama untuk mempromosikan rakyat yang lebih aktif, di mana sesama warga Brunei mempunyai rasa tanggungjawab untuk saling menjaga di antara satu sama lain. Masyarakat kita harus saling menghargai, tanpa mengira keupayaan atau ketidakupayaan mereka. Hanya dengan berbuat demikian, maka kita boleh menjadi masyarakat yang benar-benar inklusif 'di mana setiap orang boleh menyumbang dan berkongsi dalam kemajuan negara'.

Saya difahamkan bahawa Blok Rehabilitasi tersebut adalah Fasa 1 dari pelan Pembangunan semula Pusat Ehsan ini. Pembangunan sangat penting kerana ia adalah manifestasi yang banyak membantu melalui sokongan awam-swasta-masyarakat dan pembukaan blok ini menyaksikan permulaan lembaran baharu dalam sejarah perkhidmatan-perkhidmatan Pusat Ehsan dan saya tahu perkembangan baharu ini, seperti semua perkhidmatan, dipandu oleh amalan penjagaan serta penyayang dalam mencapai dan meningkatkan kehidupan individu-individu berkeperluan khas di negara ini.

satu masyarakat.

Bagaimanapun masih banyak yang perlu dilakukan dalam aspek ini, kita perlu menjana perubahan positif melalui kerjasama dan perkongsian juga bekerjasama untuk mempromosikan rakyat yang lebih aktif, di mana sesama warga Brunei mempunyai rasa tanggungjawab untuk saling menjaga di antara satu sama lain.

Masyarakat kita harus saling menghargai, tanpa mengira keupayaan atau ketidakupayaan mereka. Hanya dengan berbuat demikian, maka kita boleh menjadi masyarakat yang benar-benar inklusif 'di mana setiap orang boleh menyumbang dan berkongsi kemajuan negara'.

Kesimpulannya, saya menantikan perkembangan selanjutnya bagi baki empat (4) fasa dalam pelan pembangunan semula Pusat Ehsan dan menyeru semua golongan masyarakat untuk menyokong tujuan mulia ini. Saya mengucapkan tahniah pada Pusat Ehsan dalam usahanya membantu orang kurang upaya dan melengkapkan mereka untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat kita.

Dengan kalimah 'Bismillaahir Rahmanir Rahim', saya rasmikan Blok Rehabilitasi Baharu Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

17 JULAI 2017 BERSAMAAN 1438 شوال 22

BELIA DILENGKAPKAN DENGAN KEMAHIRAN

HASRAT negara yang memfokuskan pembinaan kapasiti dan modal insan yang bertujuan mendukung pembangunan ekonomi yang sustainable dalam jangka masa panjang, terutamanya tumpuan kepada kalangan belia-belie di negara ini telah dilaksanakan secara holistik merangkumi perolehan pengetahuan dan kemahiran, termasuk keupayaan keusahawanan; serta memiliki sikap, nilai dan etika positif dan progresif melalui program-program yang tersusun, bersesuaian dan fokus kepada outcome.

Usaha kerajaan melalui pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus dilipatgandakan agar para belia di negara ini akan terus diberikan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian melalui program-program yang disediakan. Antaranya termasuklah dengan sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan fiskal.

Perkara ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena dengan Hari Keputeraan Baginda Ke-71 Tahun pada 15 Julai 2017 di Istana Nurul Iman, iaitu "Kerajaan beta juga, kini sedang melipatgandakan usaha untuk melengkapkan para belia dengan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian. Ini berlaku melalui beberapa program tertentu, di samping Unit Perancangan Sumber Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, juga secara khusus telah mengenalkan kursus berasaskan Rangka Kemahiran Industri atau Industry Competency Framework (ICF)."

Sesuai dengan maksud tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenalkan satu inisiatif tambahan iaitu penubuhan Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) yang menawarkan latihan-latihan kepada anak-anak tempatan bagi melayakkan mereka menjawab pelbagai pekerjaan di sektor swasta termasuk di syarikat-syarikat Pelaburan Langsung Asing.

Selaras dengan keutamaan tersebut, usaha kerajaan untuk terus meningkatkan tahap kualiti pendidikan dan latihan bagi belia-belie di negara ini ke tahap yang lebih tinggi adalah bertepatan, kerana pendidikan cemerlang mampu memberi peluang kepada para belia untuk meningkatkan kualiti hidup serta menyumbang secara aktif dan positif kepada pembangunan negara selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035. Di samping sebagai salah satu strategi utama kerajaan dalam usaha pembasmian kemiskinan.

Dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang keusahawanan ini, Kementerian Pendidikan telah menerapkan kurikulum literasi bisnes dan kemahiran keusahawanan dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi, termasuk di peringkat teknikal dan vokasional.

Sementara itu, bertambahnya para belia tempatan yang menceburi bidang-bidang perniagaan dan perusahaan juga amat membanggakan kerana sekurang-kurangnya mereka tidak hanya bergantung untuk mendapatkan pekerjaan dengan sektor kerajaan sahaja, tetapi usaha murni para belia menceburi bidang-bidang tersebut dengan sendirinya mengurangkan pengangguran di negara ini.

Kebawah DYMM sendiri amat bangga dengan perkembangan yang berlaku di kalangan belia kita yang tekun berusaha menceburi bidang perniagaan dan perusahaan, malah berupaya menawarkan produk-produk mereka melalui pelbagai kemudahan atau platform terkini. Kepentingan bidang keusahawanan telah ditekankan sendiri oleh baginda semasa bertitah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-11 Majlis Mesyuarat Negara 2015.

Pendekatan kerajaan ke arah usaha ini juga ialah dengan menubuhkan Darussalam Enterprise (DARE) pada 21 Januari 2016 yang bertanggungjawab untuk mengawasi dan memupuk pertumbuhan serta pembangunan perusahaan-perusahaan tempatan di negara ini adalah salah satu usaha murni untuk membantu melahirkan persekitaran perusahaan yang kondusif dan meningkatkan ekosistem perusahaan secara menyeluruh.

Peningkatan bilangan para profesional dan eksekutif muda di bidang keusahawanan ini sudah setentunya membantu ekonomi negara, yang diharapkan juga dapat menjadi tunjang atau peneraju kepada kepimpinan negara, iaitu bersesuaian dengan Dasar Belia Negara yang mahu mewujudkan belia Brunei yang cemerlang.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

Ramalan Cuaca 3 Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
30°C 23°C	31°C 24°C	32°C 24°C
MUKOH		
31°C 24°C	32°C 24°C	32°C 24°C
PERAK BANGSAR		
29°C 23°C	32°C 24°C	32°C 24°C
PERAK TUTONG		
29°C 24°C	32°C 24°C	32°C 25°C
PERAK SERIA		
31°C 24°C	32°C 24°C	32°C 25°C
BOLA SELAT		
31°C 24°C	31°C 24°C	32°C 25°C

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."									
Masihi JULAI	HARI	Hijrah SYAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
17	ISNIN	22	4.42	4.52	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38 7.52
18	SELASA	23	4.42	4.52	6.15	6.39	12.28	3.51	6.38 7.52
19	RABU	24	4.42	4.52	6.16	6.39	12.28	3.51	6.38 7.52
20	KHAMIS	25	4.43	4.53	6.16	6.39	12.28	3.51	6.38 7.52
21	JUMAAT	26	4.43	4.53	6.16	6.39	12.28	3.51	6.38 7.52
22	SABTU	27	4.43	4.53	6.16	6.40	12.28	3.51	6.38 7.52
23	AHAD	28	4.43	4.53	6.16	6.40	12.28	3.51	6.37 7.52

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Bidang pengajian pelaburan sepanjang hayat : Pendidikan Islam perlu mantap

Oleh : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat dan mengurniakan titah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-71 Tahun di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan bahawa satu pelaburan sepanjang hayat adalah bidang pengajian.

Ia tegas baginda, berstatus lambang dan suluh kehidupan. Oleh itu, pendidikan perlu segar dan cemerlang, tidak boleh layu atau lemah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-71 Tahun di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, di sini.

Kecemerlangan itu, tegas baginda masih saja tertakluk pada kemampuan kita mengadakan pendidikan seimbang, ukhrawi dan duniawi. Lebih-lebih lagi sekarang, titah baginda dunia sudah terbuka luas pada budaya 'bercampur-campur', budaya baik dan budaya buruk.

Pendidikan ukhrawi sahaja menurut baginda yang mampu membezakan di antara dua budaya tersebut untuk kita membuat pilihan. Maka pendidikan Islam sangatlah perlu untuk lebih mantap dan menyerlah, tegas baginda.

Terdahulu baginda bertitah, Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menempah rekod dengan mengekalkan kedudukannya dalam *ranking* Universiti Asian atau Asian QS University Rankings

dan ia merupakan perkembangan dan pencapaian yang membanggakan dalam bidang pengajian tinggi.

"Dalam amalan antarabangsa kita akan terus memupuk dan mempertingkatkan kerjasama dengan negara-negara sahabat, sama ada melalui hubungan biasa mahupun melalui keahlian kita dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa," titah baginda.

Persahabatan di antara negara-negara di dunia adalah perlu wujud dalam era yang tidak menentu ini. Jika tidak, ia punca keamanan boleh tergugat, titah baginda. Kita selaku negara dan orang Islam sepatutnya lebih memahami perkara itu, berdasarkan ugama Islam sendiri telah menganjurkan hidup berbaik-baik dengan sesiapa saja. Khusus bagi sesama Islam tegas baginda, kita telah pun diajar untuk tidak memutuskan tali silaturahmi.

Pada mengakhiri titah, baginda dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, termasuk mereka yang bertugas di luar negara atas sumbangan dan sokongan mereka pada kerajaan baginda.

Penghargaan yang setinggi-tingginya juga disampaikan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Perayaan di kedua peringkat, kebangsaan dan daerah atas segala khidmat mereka menjayakan perayaan tersebut.

Baginda seterusnya mendoakan semoga kita semua serta Negara Brunei Darussalam sentiasa kekal aman dan makmur, dikurniakan rahmat serta perlindungan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Pertumbuhan ekonomi terus dilaksanakan

Dari muka 1

Kebawah DYMM bertitah demikian pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-71 Tahun di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Dalam konteks tersebut titah baginda, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan adalah diharapkan untuk membentuk persekitaran kondusif bagi kemajuan perkapalan dan logistik sebagai usaha memenuhi keperluan import / eksport.

Selain itu, menurut titah baginda, satu usaha sama atau *joint-venture* juga sudah dijalin di antara Darussalam Assets dengan sebuah syarikat luar negara bagi mengendalikan secara profesional Pelabuhan Muara. Ini juga diyakini dapat menyumbang pada pertumbuhan ekonomi.

Bertitah mengenai perkembangan dan pencapaian belia, baginda bertitah, di akhir-akhir ini negara wajar berbangga,

dengan bertambahnya para belia tempatan yang berani muncul menceburi bidang-bidang perniagaan dan perusahaan.

Bukan setakat menceburi sahaja, malah berupaya menawarkan produk-produk mereka melalui pelbagai kemudahan atau platform terkini, di samping tidak ketinggalan memanfaatkan kemudahan bangku-bangku jualan yang disediakan oleh kerajaan, ini tidak syak lagi adalah satu perkembangan memberangsangkan.

"Perkembangan lain, kerajaan beta juga, kini sedang melipatgandakan usaha untuk melengkapkan para belia dengan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian. Ini berlaku melalui beberapa program tertentu, di samping Unit Perancangan Sumber Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, juga secara khusus, telah mengenalkan kursus berasaskan Rangka Kemahiran Industri atau Industry Competency Framework (ICF)," titah baginda.

Bagi maksud tersebut, baginda telah pun memperkenalkan satu inisiatif tambahan, Penubuhan Pusat Pembangunan Kapasiti

(PPK), yang akan menawarkan latihan-latihan kepada anak-anak tempatan bagi melayakkan menjawab pelbagai pekerjaan di sektor swasta termasuk syarikat-syarikat Pelaburan Langsung Asing.

"Kita adalah menyedari, bahawa pertumbuhan ekonomi atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) masih dalam keadaan 'perlahan'. Oleh itu sangat penting bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan mensasarkan usaha-usaha mereka ke arah mempercepatkan pertumbuhan keluaran syarikat-syarikat di bawah jajaan

masing-masing, sama ada syarikat-syarikat itu milik swasta atau kerajaan, terutamanya syarikat-syarikat bukan minyak dan gas," jelas baginda.

Baginda bertitah, peningkatan produktiviti dijangka mampu untuk memperbaiki daya saing keluaran syarikat-syarikat dan sekali gus membolehkan mereka menembusi pasaran eksport.

Titah baginda, meneroka pasaran eksport oleh pengusaha-pengusaha tempatan boleh menyumbang pada pertumbuhan KDNK dan memperbaiki kedudukan fiskal kerajaan.

"PERKEMBANGAN lain, kerajaan beta juga, kini sedang melipatgandakan usaha untuk melengkapkan para belia dengan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian. Ini berlaku melalui beberapa program tertentu, di samping Unit Perancangan Sumber Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, juga secara khusus, telah mengenalkan kursus berasaskan Rangka Kemahiran Industri atau Industry Competency Framework (ICF)."

Istiadat Barisan Kehormatan penuh gilang-gemilang



Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Ariffin bin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Julai. - Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 diraikan dalam suasana gilang-gemilang bermula dengan Istiadat Barisan Kehormatan, di ibu negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke istiadat yang penuh tradisi berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

Berangkat sama ke istiadat itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; paduka-paduka adinda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah DYMM di ibu negara dialu-alukan dengan kibaran Bendera Negara Brunei Darussalam dan pukulan hadrah oleh penuntut-penuntut sekolah menengah yang berbaris di sepanjang jalan menuju ke Istiadat Barisan Kehormatan tersebut.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM berkenan menerima hormat diraja diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) diikuti tembakan meriam sebanyak 21 das.

Baginda kemudian berkenan berangkat memeriksa pasukan-pasukan perbarisan terdiri daripada anggota-anggota Batalion Pertama Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), PDB, jabatan-jabatan beruniform termasuk Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pasukan Perkhidmatan Bomba Penerbangan Awam dan pertubuhan-pertubuhan awam seperti Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Kadet Polis, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, Persatuan Bulan Sabit Merah, Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat dan Program Khidmat Bakti Negara.

Ke muka 5

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Istiadat Barisan Kehormatan yang penuh tradisi yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.



BERANGKAT sama ke Istiadat Barisan Kehormatan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.



JUGA berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Dari muka 4

Kemudian pasukan-pasukan perbarisan yang membawa Panji-Panji Kebawah DYMM, Panji-Panji Pasukan ABDB dan

Panji-Panji Diraja PDB berjalan lalu di depan pentas diraja dalam gerak perlahan dan cepat di bawah pimpinan Pemerintah Perbarisan, Leftenan Kolonel Adli bin

Haji Hassan.

Laungan tiga kali 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' disembahkan oleh kesemua pasukan yang mengambil bahagian

yang merupakan acara kemuncak istiadat disusuli dengan terbang lalu pesawat-pesawat TUDB.

Ke muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat memeriksa pasukan-pasukan perbarisan pada Istiadat Barisan Kehormatan (kiri dan kanan).



PERBARISAN Kehormatan berjalan lalu terdiri daripada anggota Tentera Udara Diraja Brunei (kiri) dan Tentera Laut Diraja Brunei (kanan).



SEBAHAGIAN pelajar sekolah menengah kerajaan yang mengibarkan bendera kebangsaan di sepanjang jalan laluan khas kenderaan baginda pada istiadat berkenaan (kiri dan kanan).

Dari muka 5

Juga berangkat dan hadir ke istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, dan Manteri-Manteri Pedalaman, para perwakilan asing ke negara ini dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para jemputan.

Hadir sama pada istiadat yang penuh meriah tersebut termasuk tetamu-tetamu khas baginda daripada kalangan negara-negara jiran dan sahabat.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika berbual mesra pada istiadat tersebut.



JUGA berangkat dan hadir ke istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan.



TURUT hadir ialah tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, dan Manteri-Manteri Pedalaman, para perwakilan asing ke negara ini dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para jemputan (kiri, kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



LAGU kebangsaan dan terbang lalu pesawat Tentera Udara Diraja Brunei.

Majlis Santap Negara bersama Tetamu-tetamu Khas kerajaan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bersama Tetamu-tetamu Khas Kerajaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-71 Tahun. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman,
Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bersama Tetamu-tetamu Khas Kerajaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda

Ke-71 Tahun.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia

Pengiran Bini Hajah Faizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Ke muka 8



BERANGKAT sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah.



BAGI memberkati majlis, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (kiri). Berangkat dan hadir ialah Tetamu Khas negara, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri dan Manteri-Manteri Pedalaman dan para perwakilan asing ke negara ini serta pegawai-pegawai kanan kerajaan (tengah dan kanan).

Dari muka 7

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja yang lain.

Turut hadir pada istiadat tersebut ialah tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia, antaranya Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman; Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg; Menteri Sekitaran dan Sumber Air Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad; Setiausaha Kewangan Republik Filipina, Honorable Secretary Carlos Garcia Domingues III; Menteri Tenaga Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Anantaporn Kanjanarat; Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pembangunan Bandar & Sumber Asli II dan Menteri Pembangunan Perindustrian & Usahawan Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan; Panglima Angkatan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bersama Tetamu-tetamu Khas Kerajaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-71 Tahun.

Tentera Malaysia, Yang Mulia Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor serta Ketua Polis Negara Republik Indonesia, Jeneral Polisi Drs. H. M. Tito Karnavian.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Mufti

Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat dan hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli

Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri dan Manteri-Manteri Pedalaman dan para perwakilan asing ke negara ini serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.



BERANGKAT sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.



JUGA berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.



JUGA berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.



TURUT berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain.

Berkenan menerima mengadap Tetamu Khas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud dan isteri, Yang Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib berlangsung di Istana Nurul Iman. Turut menyertai rombongan Yang Di-Pertua Negeri Sarawak ialah Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg dan isteri serta Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II dan Menteri Pembangunan Perindustrian dan Usahawan Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan dan isteri.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Julai. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum

Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari negara-negara sahabat yang berada di negara ini bagi menghadiri Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-71 Tahun.

Majlis Menerima Mengadap

berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.


Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha mula-mula

menerima mengadap Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib.

Ke muka 10



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan isteri yang berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Minister of Energy, Kingdom of Thailand, TYT Jeneral Anantaporn Kanjanarat dan isteri yang berlangsung di Istana Nurul Iman.



Dari muka 9

Turut menyertai rombongan mengadap ialah Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg dan isteri, dan Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II dan Menteri Pembangunan Perindustrian dan Usahawan Sarawak, Yang

Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan dan isteri.

Setelah itu, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan isteri.

Sejurus itu, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Minister of Energy, Kingdom of Thailand, TYT Jeneral Anantaporn Kanjanarat dan isteri.

Juga mengadap ke hadapan majlis baginda berdua ialah Menteri Sekitaran dan Sumber Air, Republik Singapura, TYT Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad dan isteri.

Seterusnya mengadap ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Secretary of Finance, Republic of the Philippines, The Honourable Secretary Carlos Garcia Domingues III dan isteri.

Turut mengadap ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Panglima Angkatan Tentera

Malaysia, Yang Berbahagia Dato Paduka Seri Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor dan isteri.

Akhir sekali, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja isteri berkenan menerima mengadap Ketua Kepolisian Indonesia, Yang Terhormat Dato Paduka Seri Jenderal Polisi Dr. Andas Haji Muhammad Tito Karnavian dan isteri.


KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Menteri Sekitaran dan Sumber Air, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad dan isteri berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Secretary of Finance, Republic of the Philippines, The Honourable Secretary Carlos Garcia Domingues III dan isteri berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Dato Paduka Seri Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor dan isteri berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Ketua Kepolisian Indonesia, Yang Terhormat Dato Paduka Seri Jenderal Polisi Dr. Andas Haji Muhammad Tito Karnavian dan isteri yang berlangsung di Istana Nurul Iman.



Seramai 35 orang menerima Bintang Kebesaran NBD



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) yang membawa gelaran 'Dato Paduka Seri' kepada Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 35 orang penerima sempena Sambutan

Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-71 Tahun di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) yang membawa gelaran 'Dato Paduka Seri' kepada dua penerima, iaitu Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor dan Ketua Kepolisian Indonesia, Yang Terhormat Jenderal Polisi Dr. Andas Haji Mohammad Tito Karnavian.

Seterusnya diikuti dengan pengurniaan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B) yang membawa gelaran 'Dato Seri Paduka' kepada lapan Timbalan-Timbalan Menteri, iaitu Timbalan Menteri (Keselamatan dan Media) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar; Timbalan Menteri (Korporat, PENGGERAK dan Ekonomi) di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Menteri Kewangan (Fiskal), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah; Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohammad Yusof; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Kebawah DYMM seterusnya mengurniakan Bintang Darjah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) yang membawa gelaran 'Dato Paduka Seri' kepada Ketua Kepolisian Indonesia, Yang Terhormat Jenderal Polisi Dr. Andas Haji Mohammad Tito Karnavian.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B) yang membawa gelaran 'Dato Seri Paduka' kepada lapan Timbalan-Timbalan Menteri (atas sekali), Bintang Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kedua (D.S.S.U.B) yang membawa gelaran 'Dato Seri Setia' kepada dua penerima (atas) dan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B) yang membawa gelaran 'Dato Paduka' kepada 13 orang penerima (atas kanan).

Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kedua (D.S.S.U.B) kepada dua penerima, iaitu Yang Arif Pengiran Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Yang Mulia Dr. Awang Haji Maznan bin Haji Yusof yang membawa gelaran 'Dato Seri Setia'.

Sementara itu, seramai 13 orang lagi dikurniakan dengan bintang kebesaran Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B) yang membawa gelaran 'Dato Paduka' kepada Tuan Yang Terutama Awang Haji Haini bin Haji Hashim; Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman; Kapten (B) Awang Abd. Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar; Awang Ahmaddin bin Haji Abd.

Rahman; Awang Haji Rosli bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Md. Salleh; Pemangku Pesuruhjaya Polis, Awang Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Dr. Awang Haji Junaidi bin Haji Abd. Rahman; Awang Haji Husaimie Ahmad bin Haji Hussin, Puan Yang Terutama Dayang Hajah Rakhiah binti Haji Abdul Hamid @ Lamit; Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Dayang Hajah Maslina binti Haji Mohsin; Dayang Hajah Hindun binti Dato Paduka Haji Noordin dan Dayang Hajah Fara binti Dato Haji Nasir.

Pengurniaan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam diteruskan dengan pengurniaan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B) kepada tiga orang penerima, iaitu Awang Haji Rosle bin Haji Jumat @ Jumaat; Awang Haji Mas Raduan bin Haji Jumat dan Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit.

Manakala seramai tujuh orang penerima lagi dikurniakan dengan Bintang Kebesaran Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B), iaitu Shaikh Haji Fadilah bin Shaikh Haji Ahmad; Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi; Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah; Mr. Nigel Badminton; Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dan Dayang Hajah Noor Qamar binti Haji Sulaiman.



Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman,
Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman,
Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-71 Tahun di Istana Nurul Iman.

Istiadat Mengadap penuh adat istiadat yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana itu bermula dengan pengurniaan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan diikuti dengan pengurniaan Bintang-Bintang

Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 35 penerima.

Berangkat sama dalam istiadat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati binti Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abdul Rahman; Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah N'imatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja yang lain.

Turut hadir pada istiadat tersebut ialah Tetamu-tetamu Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia antaranya Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman; Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg; Menteri Sekitaran dan Sumber Air Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad; Setiausaha Kewangan Republik Filipina, Honorable Secretary Carlos Garcia Domingues III; Menteri Tenaga Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Anantaporn Kanjanarat; Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pembangunan Bandar & Sumber Asli II dan Menteri Pembangunan Perindustrian &



Usahawan Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan; Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Mulia Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor

serta Ketua Polis Negara Republik Indonesia, Jenderal Polisi Drs. H. M. Tito Karnavian. Berangkat dan hadir pada istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet,

Pengiran-Pengiran Mesyuarat, Ahli-Ahli Majlis Timbalan-Timbalan Menteri, Manteri-Manteri Pedalaman, para perwakilan negara sahabat, Setiausaha-Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan

peranakan, pegawai-pegawai kanan kerajaan. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-71 Tahun (atas). Sementara gambar kanan, berangkat sama, dalam istiadat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B) yang membawa gelaran 'Dato Seri Paduka' kepada Timbalan-Timbalan Menteri (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B) pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam, di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.



TURUT hadir pada istiadat tersebut ialah Tetamu-tetamu Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia (kiri) dan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Pengiran-Pengiran Peranakan, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Manteri-Manteri Pedalaman, para perwakilan negara sahabat, Setiausaha-Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan (kanan).



TURUT berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.



BERANGKAT sama dalam istiadat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.



JUGA berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah N'imatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 59/7/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 17 JULAI 2017

TARIKH TUTUP: 31 JULAI 2017

1. PENYELIA SISTEM

C.3-4 EB.5

BAHAGIAN III

PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN

JABATAN PERDANA MENTERI

KEKOSONGAN: TIGA (03)

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON-PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

JAWATAN : PEGAWAI KEWANGAN

TANGGA GAJI :

B.2 EB.3 (BND2,270 - BND4,240) atau

B.2 (BND2,270 - BND3,760)

KEKOSONGAN : SATU (1) ORANG

JABATAN: UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB / MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN

Borang P1 serta keterangan lanjut boleh diperoleh di Bahagian Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang permohonan yang telah diisi dengan lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil dan dokumen yang berkenaan hendaklah dikembalikan **tidak lewat pada Sabtu, 5 Ogos 2017** ke alamat berikut :

**PENDAFTAR DAN SETIAUSAHA
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK
GADONG, BE1410
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
(U.P. : BAHAGIAN PENTADBIRAN)**

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui ketua jabatannya dan ketua jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan tersebut dokumen-dokumen yang telah lengkap seperti berikut :

- 1) SATU LAPORAN SULIT
- 2) SALINAN PRESTASI BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN KEBELAKANGAN (SEKURANG-KURANGNYA SANGAT BAIK)
- 3) SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG TELAH DIKEMASKINIKAN.

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.



JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

**To Develop and Operate A Franchise Serving Food
for Immediate Serving, Restaurants or Cafe, Space
at Mumong Post Office, Jalan Maulana, Singa Menter, Mumong, Kuala Belait
Rujukan Tawaran : POS / T / 05 / JPP / 2017 - 2018**

BAYARAN dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak seperti berikut (**tidak dikembalikan**). Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam mata wang ringgit Brunei.

1. Unit Yang Disewakan - Unit I - Yuran Tawaran - BND10.00
2. Unit Yang Disewakan - Unit K - Yuran Tawaran - BND10.00
3. Unit Yang Disewakan - Unit L - Yuran Tawaran - BND30.00

**To Develop and Operate Commercial and / or Office Space
at Mumong Post Office, Jalan Maulana, Singa Menter, Mumong, Kuala Belait
Rujukan Tawaran : POS / T / 04 / JPP / 2017 - 2018**

Unit-unit yang disewakan adalah seperti berikut :

1. Unit Yang Disewakan - Unit B - Yuran Tawaran - NIL
2. Unit Yang Disewakan - Unit E - Yuran Tawaran - NIL

3. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati di :

**Bahagian Kewangan
Tingkat 1, Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh tutup tawaran ialah pada Selasa, 1 OGOS 2017, jam 2.00 Petang.

**Hari Informasi akan diadakan seperti berikut :
Khamis
Tarikh : 20 Julai 2017
Jam : 9.00 Pagi
Tempat : Pejabat Pos Mumong, Kuala Belait**



KEMENTERIAN KEWANGAN

**Bilangan Tawaran :
KKW / Z / 755 / 2017**

**Tajuk Tawaran :
TAWARAN KONTRAK PENGGAL KERJA-KERJA
PEMELIHARAAN LANSKAP SELAMA 36 BULAN
DI BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**Yuran Tawaran / Dokumen : BND10.00
(tidak dikembalikan)**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kategori KPB 12 dan berpengalaman khusus dalam pemeliharaan lanskap.

Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Pengurusan Aset dan HSE, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Tingkat 15 - Tower Block, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Sebut Harga-sebut harga hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Negara
Kementerian Kewangan
Peti Sebut Harga, Tingkat 1
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Isnin, 7 Ogos 2017**. Semua sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Tajuk Tawaran :
**TENDER FOR FACILITY
MAINTENANCE SERVICES FOR
MINISTRY OF FINANCE (MOF)
DATA CENTRE INCLUSIVE
OF DATA CENTRE (DC)
COMPONENTS BATTERY
REPLACEMENT TO MEET THE
GOVERNMENT REQUIREMENT**

Rujukan Tawaran :
JPKK / A / S / 117 / FSC (DC)

**Tarikh Tutup / Jam : 31 Julai 2017
- Isnin (2.00 Petang)**

Tempat Menghantar Tawaran :
**Peti Tawaran, Lembaga Tawaran
Negara Tingkat 1
Bangunan Kementerian
Kewangan Commonwealth Drive
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam.**

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN :

1. TAWARAN adalah dipelawa pada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen tawaran yang berharga BND100.00 boleh diperolehi di **Kaunter Penyambut Tetamu, Tower Block, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Kewangan** dan bayaran dokumen tawaran **tidak akan dikembalikan** kepada mana-mana penender sama ada yang berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.
3. Dokumen tawaran dan yuran tawaran berjumlah BND5.00 hendaklah dibayar di Kaunter Hasil, Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan, Island Block, Bangunan Kementerian Kewangan Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam dan resit asal pembayaran hendaklah disertakan bersama borang tawaran.
4. Borang Pengakuan penender hendaklah **diisikan dengan lengkap** dengan menyatakan bahawa syarikat yang ikut serta tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat lain yang menyertai tawaran sama dan menyenaraikan nama-nama pekerja tempatan yang berkerja di syarikat yang mengikuti tawaran.
5. Borang tawaran hendaklah disertakan salinan :
 - i. Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 dan 17 yang masih sah yang menyenaraikan butir-butir perniagaan seperti nama,

bilangan pendaftaran dan negeri asal, nombor kad pengenalan atau paspot pemilik;

ii. Surat pengesahan pematuhan Akta Tabung Amanah Pekerja Penggal 167 dengan menyatakan rujukan pendaftaran dan caruman bagi setiap pekerja kontrak, bergaji hari atau pekerja sementara;

iii. Senarai pekerja yang menyenaraikan jumlah dan bilangan (%) pekerja asing dan pekerja tempatan (contoh format ada disertakan).

6. Syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39 hendaklah menyertakan :

i. Salinan sijil pematuhan cukai yang dikeluarkan oleh pihak Pemungut Cukai Pendapatan selaras dengan Bab 52(1) Akta Cukai Pendapatan Penggal 35;

ii. Salinan surat pengesahan mengenai tarikh terakhir menghantar Penyata Tahunan (*Annual Returns*) kepada Pendaftar Syarikat-Syarikat termasuk tahun syarikat mengadakan Annual General Meeting.

7. Setiap satu borang tawaran yang lengkap diisikan dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang tertutup rapi dan menulis dengan jelas dengan menyatakan **tajuk dan bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran** tanpa membubuhkan sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

8. Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN, LEMBAGA TAWARAN NEGARA yang ditujukan kepada :

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN
PETI TAWARAN, TINGKAT 1
BANGUNAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE
JALAN KEBANGSAAN, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

9. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Peringatan : Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran atau kontrak diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara. Kerajaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JABATAN
RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

NOTIS TAWARAN

**TENDER NO. :
RTB / K / RTB_GS/ 30/ 2017 -
TO SERVICE MAINTENANCE
FOR ALL AHU AT RTB HQ, BSB
FOR PERIOD OF 2 YEARS
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

TARIKH TUTUP : 16 OGOS 2017

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada semua pemborong yang mempunyai sijil pendaftaran kontraktor.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Jurutera Penguasa, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit pembayaran semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran sebanyak BND10.00 (tidak dikembalikan).

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat biasa yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong. Bagaimana pun

Bilangan Nombor Rujukan Tawaran (*Tender Reference No.*) dan tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.

4. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Rabu, 16 Ogos 2017, jam 2.00 Petang.**

5. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada :

**PENGARAH
RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
BANDAR SERI BEGAWAN, BS8610
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
FAO : TIMBALAN PENGARAH
OPERASI**

dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Elizabeth II.**

6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

8. Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan.



**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

PENENDER-PENENDER adalah di pelawa untuk mengemukakan tawaran bagi dua (2) kerja berikut :

**1. T / 001 / RBPF - HQ / 2017 -
IN SURAN**

**PELAN SKIM TAKAFUL
KEMALANGAN DIRI
BERKELOMPOK BAGI PEGAWAI,
ANGGOTA PANGKAT RENDAH
SERTA PEGAWAI DAN
KAKITANGAN AWAM PASUKAN
POLIS DIRAJA BRUNEI
(PERLINDUNGAN SATU (1) TAHUN)**

Yuran Tawaran : BND50.00 (tidak dikembalikan)

2. RBPF / TPROC / RC - 017 - T

**KONTRAK PEMBEKALAN
DAN PEMASANGAN TAYAR,
TUBELESS, INNER TUBE, RIMS
FLAPS AND WHEEL BALANCING
BAGI MOTORSIKAL
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

Yuran Tawaran : BND100.00 (tidak dikembalikan)

1. Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada **Unit Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Polis**

Gadong pada waktu bekerja, iaitu **Isnin** hingga **Khamis dari Jam 8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan **2.00 Petang** hingga **3.00 Petang** dan **Sabtu, dari jam 8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi**.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong **tidak** lewat jam : **2.00 Petang, Selasa, 8 OGOS 2017.**

**HANTAR KE ALAMAT :
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Level 1**

**Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.**

3. Yuran tawaran (*tender fee*) dikehendaki dibayar dengan **WANG TUNAI** sahaja dan wang tidak dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran. Pembayaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 Pagi di **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Jalan Tungku Gadong.**



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PERINTAH ACARA MAL
MAHKAMAH-MAHKAMAH
SYARIAH, 2005
SAMAN GANTIAN
DALAM MAHKAMAH
RENDAH SYARIAH
DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA
DALAM NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

**Saman No. BM / MRS / MAL-B /
S010A / 155 / 03-2017.**

ANTARA

**SITI ZATULIFFAH
BINTI HAJI MOHAMAD
- Plaintiff Pemohon**

DAN

**MOHD. ZULKARNAIN
BIN ABDUL MANAF
- Defendan Responden**

**KEPADA : MOHD. ZULKARNAIN BIN
ABDUL MANAF, NO. KAD
PENGENALAN : 01-032288 (KUNING),
BERALAMAT : TIDAK DIKETAHUI-**

NYA.

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syari'e kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Brunei dan Muara **pada Selasa, 1 Zulkaedah 1438H / 25 Julai 2017M, pukul 2.45 Petang** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintiff yang dinamakan di atas bagi Tuntutan Percerian dengan Talaq atau dengan Perintah.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintiff suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :
12 Ramadan 1438H / 7 Jun 2017M.

**(METERAI)
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**1. JAWATAN : PEGAWAI PENJARA
BAHAGIAN : IV
TANGGA GAJI :
P.6 BND1,105.00 - BND1,825.00
EB Khas BND1,885.00 - BND2,125.00
SEBULAN**

**KEKOSONGAN :
Lelaki [2 jawatan]
Wanita [2 jawatan]**

1.1. SYARAT KELAYAKAN

a) MESTILAH terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b) Mempunyai pengetahuan tentang kersmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

c) i. Mempunyai Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (OND) atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

ii. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan / atau pengalaman dalam bidang kepenjaraan adalah satu kelebihan.

iii. Fasih dalam lisan dan penulisan bahasa Melayu dan Inggeris serta berkemahiran dalam ICT / penggunaan Microsoft Office, iaitu Word, Excel, Powerpoint dan sebagainya merupakan satu kelebihan.

d) Tinggi tidak kurang 1.57 meter (lelaki) dan 1.52 meter (wanita) dengan tidak bersepatu.

e) Pendengaran dan penglihatan biasa dan tidak cacat.

f) Lulus pemeriksaan kesihatan.

g) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan merupakan satu kelebihan.

1.2. SYARAT-SYARAT LAIN

a) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar waktu pejabat biasa, bertugas giliran (*shift*) dan di mana-mana tempat sahaja yang dikehendaki.

b) Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh

Akta dan Aturan-Aturan Penjara Penggal 51 dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

1.3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

a) Sebagai Ketua Bahagian atau Unit di institusi-institusi penjara.

b) Bekerjasama dengan unit-unit lain dalam urusan-urusan harian yang berkaitan.

c) Menyelia pegawai-pegawai bawahan dan memantau pelaksanaan segala pengurusan dan pentadbiran unit.

d) Mengawasi disiplin, prestasi dan perkembangan pegawai-pegawai dan lain-lainnya.

e) Merancang perkembangan dan kemajuan Bahagian / Unit.

f) Menyediakan laporan harian, bulanan dan tahunan.

g) Memastikan pegawai-pegawai sentiasa mematuhi peraturan-peraturan, perintah-perintah tetap (SOP) dan arahan-arahan yang ditetapkan.

h) Sebagai Pegawai Bertugas Am di Institusi-Institusi Penjara secara bergilir-gilir mengikut jadual tugas yang ditetapkan.

i) Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Pengarah Penjara dan pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.

1.4. TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

a) Tempoh percubaan di antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun setelah tamat menjalani Kursus Asas Kepenjaraan.

1.5. KURSUS / LATIHAN

a) Dikehendaki menjalani Kursus Asas Kepenjaraan dalam tempoh diantara enam (6) bulan hingga sembilan (9) bulan dan lain-lain kursus / latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

**2. JAWATAN : WADAR
BAHAGIAN : V
TANGGA GAJI :**

**P.1 EB 2 BND605.00 - BND885.00
EB Khas BND900.00 - BND960.00
SEBULAN**

**KEKOSONGAN :
Lelaki [23 jawatan]
Wanita [10 jawatan]**

2.1. SYARAT KELAYAKAN

a) Mestilah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b) Mempunyai pengetahuan tentang kersmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik

Negara Brunei Darussalam.

c) Kelulusan akademik sekurang-kurangnya dua (2) kepujian / kredit di peringkat GCE 'O' Level atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

d) Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan / atau pengalaman dalam bidang kepenjaraan adalah satu kelebihan.

e) Umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih 25 tahun.

f) Tinggi tidak kurang 1.57 meter (lelaki) dan 1.52 meter (wanita) dengan tidak bersepatu.

g) Pendengaran dan penglihatan biasa dan tidak cacat.

h) Lulus pemeriksaan kesihatan.

2.2. SYARAT-SYARAT LAIN

a) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar waktu pejabat biasa, bertugas giliran (*shift*) dan di mana-mana tempat sahaja yang dikehendaki.

b) Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh Akta dan Aturan-Aturan Penjara Penggal 51 dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

2.3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

a) Bertanggungjawab kepada pegawai atasan bagi kelicinan dan kecekapan pelaksanaan tugas di bahagian-bahagian yang diatitkan.

b) Menyelia dan mengawal banduan-banduan di sepanjang masa mengikut giliran.

c) Mencatat sebarang kejadian ke dalam Buku Harian Siang / Malam dan Buku Jagaan Khas.

d) Mencegah dan melapor / mengambil tindakan terhadap sebarang pelanggaran tatatertib.

e) Menentukan kebersihan dan keselamatan blok-blok / bangunan-bangunan penjara dan sebagainya mengikut tempat bertugas yang diatitkan.

f) Melaporkan semua kerosakan bangunan / kemudahan untuk tindakan pemeliharaan.

g) Membantu memastikan keadaan banduan sentiasa dalam keadaan selamat dan melayani apa jua aduan atau permintaan banduan mengikut peraturan yang ditetapkan.

h) Menjalankan tugas-tugas mengiring (eskot) terhadap banduan ke mahkamah, hospital dan lain-lain tempat.

i) Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Pengarah Penjara dan pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.

2.4. TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

a) Tempoh percubaan di antara satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun setelah tamat menjalani Kursus Asas Kepenjaraan.

2.5. KURSUS/LATIHAN

a) Dikehendaki menjalani Kursus Asas Kepenjaraan dalam tempoh di antara enam (6) bulan hingga sembilan (9) bulan dan lain-lain kursus / latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

3. SYARAT-SYARAT AM :

a. Pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan atau perkhidmatan sektor swasta hendaklah menghadapkan permohonan melalui sokongan Ketua Jabatan / Pengurus masing-masing dengan menyertakan :

i. Laporan dan sokongan sulit Ketua Jabatan / Pengurus.

ii. Rekod Perkhidmatan yang lengkap (jika berkenaan).

iii. Borang Penilaian Prestasi tiga (3) tahun terkini (jika berkenaan).

b. Salinan kad pengenalan, sijil kelulusan, surat pengiktirafan kelulusan, surat pengakuan / pengesahan dan dokumen-dokumen berkaitan hendaklah disertakan / dihadapkan bersama borang permohonan.

c. Calon yang layak mestilah lulus tiga peringkat ujian di mana peringkat pertama merangkumi Pemeriksaan Fizikal Anggota, Ujian Kecergasan Fizikal, Ujian Bertulis dan peringkat kedua iaitu temuduga, penilaian / pemilihan, tapisan keselamatan dan Pemeriksaan Kesihatan.

CARA-CARA MEMOHON :

Borang-borang permohonan boleh didapati :

**DI DEWAN SILLATURRAHIM
KOMPLEKS PUSAT LATIHAN
PENJARA**

**JABATAN PENJARA
SIMPANG 1111, JALAN TUTONG
KAMPUNG BUKIT PANGGAL
MUKIM KERIAM, TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Borang tersebut hendaklah diisikan dengan lengkap dalam dua (2) salinan dengan menyertakan satu (1) keping gambar berukuran passport pada tiap-tiap borang yang diisikan berserta dengan salinan kad pengenalan, surat-surat akuan / pengesahan, dokumen-dokumen sokongan dan sijil-sijil berkenaan, dan dikembalikan semula di tempat yang sama tidak lewat pada **5 Ogos 2017, jam 4.30 Petang**. Borang permohonan yang diterima lewat dari tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.



دولت كباو دولي تون پاتيک

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-71 TAHUN

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk

Daerah **TUTONG**

**Hari Selasa, 23 Syawal 1438H
bersamaan 18 Julai 2017M**

Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan,
Pekan Tutong



Daerah **TEMBURONG**

**Hari Khamis, 25 Syawal 1438H
bersamaan 20 Julai 2017M**

Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan
Pekan Bangar



Daerah **BELAIT**

**Hari Sabtu, 27 Syawal 1438H
bersamaan 22 Julai 2017M**

Padang Bandaran
Kuala Belait



Daerah **BRUNEI DAN MUARA**

**Hari Ahad, 28 Syawal 1438H
bersamaan 23 Julai 2017M**

Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin,
Bandar Seri Begawan





Jabatan Perkhidmatan Pos
Kementerian Perhubungan



Jabatan Perkhidmatan Pos
Kementerian Perhubungan



infodept_pos



infodept_br



infodept_br



infodept_br



infodept_br



دولت كباو دولي تون پاتيک

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Sempena Sambutan
Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71

**DAERAH
BRUNEI DAN MUARA**

HARI RABU, 19 JULAI 2017

TEMPAT : Pentas Perayaan, Kawasan
Letak Kereta berhadapan Bangunan
Alat-Alat Kebesaran Diraja
Bandar Seri Begawan

DAERAH BELAIT

HARI SABTU, 22 JULAI 2017

TEMPAT : Pentas Perayaan, Kawasan
Gerai Tudung Saji, Kuala Belait

DAERAH TUTONG

HARI RABU, 26 JULAI 2017

TEMPAT : Pentas Perayaan Malam,
Kawasan Lapang berhadapan Hospital
Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB)
Pekan Tutong

DAERAH TEMBURONG

HARI SABTU, 29 JULAI 2017

TEMPAT : Pentas Perayaan, Padang
Kompleks Dewan Kemasyarakatan,
Pekan Bangar

**Orang ramai adalah dialu-alukan untuk
hadir menyaksikan persembahan Pentarama...**



Jabatan Perkhidmatan Pos
Kementerian Perhubungan



Jabatan Perkhidmatan Pos
Kementerian Perhubungan



infodept_pos



infodept_br



infodept_br



infodept_br



infodept_br



JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

Membekalkan Pakaian Seragama Posmen
Jabatan Perkhidmatan Pos
Rujukan Tawaran : POS / T / 05 / JPP / 2017-2018

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan)**. Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam mata wang ringgit Brunei.
Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati di :

**Bahagian Kewangan
Tingkat 1, Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.**

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :

**Membekalkan pakaian Seragam Posmen
Jabatan Perkhidmatan Pos
Rujukan Tawaran : POS / T / 05 / JPP / 2017-2018**

**Dialamatkan ke :
PETI SEBUT HARGA
Tingkat 1, Bahagian Kewangan
Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh tutup tawaran ialah pada **Selasa, 1 Ogos 2017, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENJAHIT DAN
MENGHANTAR PAKAIAN BAJU KURUNG
BAGI PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN)
BAGI PENGAMBILAN KE-7, KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN SEBUT HARGA :
17 / JULAI / 2017 / BKBN / 1.40 / 17**

SEBUT Harga adalah dipelawa dari syarikat / pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

Dokumen sebut harga boleh diperoleh dari Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja.

Yuran sebut harga adalah BND10.00 sahaja bagi setiap sebut harga dan tidak akan dikembalikan ke setiap syarikat / pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang sah (*bona-fide-tender*).

Penerangan lanjut boleh dirujuk ke Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN) semasa waktu bekerja melalui talian telefon : +673 2340033 / +673 2340045 yang bertempat di Ibu Pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), Blok 18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggerek Desa, Jalan Berakas, BB3713, Negara Brunei Darussalam.

Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebut harga serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama syarikat / pembekal dengan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.

Sebut harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di :

**Tingkat 1, Ruang Masuk / Penyambut Tetamu
(depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110
Negara Brunei Darussalam.
[PETI TAWARAN BERWARNA HIJAU]**

Tidak lewat jam 2.00 Petang, Khamis, 3 Ogos 2017.

Tarikh terakhir mengambil dokumen sebut harga adalah pada **Rabu, 2 Ogos 2017, jam 11.00 Pagi**.

Kementerian Kewangan adakan majlis keagamaan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Julai. - Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sembahyang Berjemaah dan Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah; Timbalan Menteri Kewangan (Pelaburan), Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan juga jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan

menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah.

Kemudian disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Bertahlil beramai-ramai serta membaca Doa Kesyukuran oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen, Awang Mohammad Syariff Wafiuddin bin Jemain.

Majlis diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

MENTERI di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim (dua, kanan) semasa hadir pada majlis tersebut.



Raih keberkatan dengan memakmurkan masjid

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah pada awal waktu di masjid.

Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkah' kali ini diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Sayangkan Anak Tangan-Tanganku' yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Hadir menyertai para jemaah ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Datin; Pemangku Setiausaha Tetap

KHEU, Awang Haji Harun bin Haji Junid; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah.

Program juga dihadiri daripada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Unit Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar, KHEU.

Program kelolaan KHEU melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam

dengan kerjasama Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Ia dihasrat akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa kekeluargaan dan persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama. Makmurnya masjid-masjid di negara ini, adalah antara landasan kita dalam menggandakan amal kebajikan dan meraih keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala bagi diri kita, keluarga dan juga negara.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (dua, kiri) semasa mendengarkan tazkirah bertajuk 'Sayangkan Anak Tangan-Tanganku' pada Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkah'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Julai. - Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkah' bertujuan untuk

mengalu-alukan jemaah meningkatkan kehadiran bagi memakmurkan masjid dan seterusnya bersama-sama secara

Seramai 20 anak damit 15 Julai diraikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Julai. - Seramai 20 anak damit yang lahir pada 15 Julai 2017 diraikan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71.

Daerah Brunei dan Muara (DBM) kelmarin mencatatkan 17 kelahiran anak damit, masing-masing 15 kelahiran anak damit di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Hospital RIPAS) dan dua lagi kelahiran anak damit di Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC). Manakala Daerah Belait mencatatkan tiga kelahiran anak damit di Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), Kuala Belait.

Anak damit pertama, iaitu anak kepada pasangan Dayang Norazaneda binti Haji Sabli dan Awang Azizi bin Haji Razali yang dilahirkan pada jam 1.18 pagi di HSSB, Kuala Belait.

Sementara anak damit terakhir yang dicatatkan lahir di Hospital RIPAS pada 15 Julai ialah pada jam 11.15 malam, iaitu anak kepada pasangan Dayang Nuraini binti Wahab dan Awang Muhammad Kamarul Azharie Al Suffrie bin Haji Bohari.

Bagi DBM, Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata kepada Anak-Anak Damit yang Lahir pada 15 Julai sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 berlangsung di Bilik Seminar Aras 2, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak,

Hospital RIPAS, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian cenderamata kepada anak-anak damit yang lahir pada 15 Julai 2017 itu ialah isteri Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Mohamad.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan dari

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) berupa Akaun Simanja bernilai BND100 serta hamper yang disampaikan oleh isteri Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Perbadanan TAIB, Datin Hajah Khalsom binti Haji Suhaili.

Hadir sama ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian

Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Maslina binti Haji Mohsin, isteri Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), isteri Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN dan Kementerian Kesihatan, pegawai-pegawai serta kakitangan KHEDN juga Kementerian Kesihatan, TAIB serta para jemputan yang lain.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Aidilfitri bersama mualaf di Kampung Bebuloh



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Roslan bin Haji Taja'ah (tiga, kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Bersama Mualaf.

MUKIM PENGKALAN BATU, Ahad, 16 Julai. - Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Bersama Mualaf diteruskan lagi dengan kunjungan kepada saudara-saudara baharu di Kampung Bebuloh, Daerah Brunei dan Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Roslan bin Haji Taja'ah. Majlis berlangsung di Rumah Kegiatan Ugama

Kampung Bebuloh, di sini, Turut menyertai kunjungan Hari Raya tersebut ialah Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh; Pemangku Penolong Pengarah PDI; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan PDI.

Rombongan berkenaan dialu-alukan oleh Ketua Kampung Bebuloh, Awang Haji Muhd Sa'id bin Tundak.

Majlis diserikan dengan

Oleh : Dk. Vivvy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin

persembahan Aidilfitri daripada warga Kampung Bebuloh.

Acara anjuran tahunan PDI tersebut bertujuan sebagai pemeduliaan jabatan terhadap kebajikan mualaf khususnya yang berada di kawasan pendalaman di samping mengeratkan silaturahim di antara para mualaf dan warga KHEU amnya dan PDI khasnya.



ISTERI Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Mohamad menyampaikan sumbangan cenderamata kepada penerima-penerima anak lahir pada 15 Julai.

Pengurniaan Bintang Kebesaran suntik semangat penerima



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (kiri) dan Timbalan Menteri Pendidikan, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (kanan) masing-masing penerima bintang Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B) bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun.



kepadanya, dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ketika ditanya mengenai titah Kebawah DYMM pada Majlis Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Dato Seri Paduka menjunjung tinggi titah baginda dan berharap dengan adanya titah tersebut kita selaku rakyat dan penduduk terus bekerja keras dan memberi sepenuh komitmen kepada negara dan mendoakan agar Negara Brunei Darussalam akan tetap aman damai dengan berkat kepimpinan baginda.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar juga dikurniakan bintang Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B).

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka melahirkan ucapan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan bintang tersebut.

"Kebawah DYMM dalam titah baginda antara lain telah menekankan mengenai pentingnya pendidikan diperkasakan dan juga tidak dibiarkan ia layu dan juga lemah. Memang perkara pendidikan ini adalah satu perkara yang penting dalam membentuk generasi sesuatu

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

bangsa dan ke arah itu, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha meningkatkan mutu pendidikan dan memperkasakan sistem pendidikan negara ini, Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 dan mudah-mudahan dengan segala usaha semua pihak dalam perkara itu insyaaAllah akan dapat direalisasikan," ujarnya.

Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit pula bebesar hati dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM kerana diberikan pengurniaan bintang Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B) pada tahun ini.

Beliau berkata, selaku tenaga pengajar insyaaAllah, akan terus memberi sumbangan ilmu kepada anak bangsa agar belia-belia akan mengikuti sepertimana kejayaan yang diperolehi oleh peserta-peserta qari dan qariah Negara Brunei Darussalam.

"Saya menjunjung tinggi titah Kebawah DYMM yang mana dari aspek ilmu, di Negara Brunei Darussalam selaku rakyat baginda mengenai dengan pengajaran-pengajaran agama memang dikuatkan. Kami selaku guru sekolah agama sentiasa mendidik murid-murid anak bangsa kita penuh dari segi ilmu agama, amali, Al-Quran dan dari sudut pengajaran dalam pelajaran

ugama," ujarnya.

Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah merupakan guru Sekolah Ugama Delima I dan beliau telah beberapa kali menyertai Pertandingan Membaca Al-Quran di dalam dan luar negara dan baru-baru ini telah mengharumkan nama negara dengan memperoleh naib johan pada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-59 di Kuala Lumpur, Malaysia.



DAYANG Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit penerima bintang Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B) bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-71 Tahun.

Rakyat mendoakan Kebawah DYMM kekal karar memerintah negara



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.



PENGHULU Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar bin Mansor.

Ke-71 Tahun merupakan antara hari yang dinantikan oleh rakyat dan penduduk di negara ini.

Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar bin Mansor berkata, rakyat dan penduduk dari segenap lapisan masyarakat yang berlandung di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merafakkan sembah ucapan dan berdoa semoga baginda dilanjutkan usia.

"Melalui kepimpinan baginda, Negara Brunei Darussalam telah mencapai pembangunan dan kemudahan seperti yang kita lihat dan telah nikmati pada masa sekarang ini," katanya kepada Pelita Brunei semasa menghadiri Istiadat Barisan Kehormatan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

Darussalam Ke-71 Tahun di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad juga mengambil kesempatan untuk merafakkan sembah ucapan dan berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala melanjutkan usia baginda dan kekal karar memerintah negara.

"Hamba Kebawah Duli Tuan Patik ingin mengucapkan Selamat Puja Usia ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun pada tahun ini," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat bersyukur kerana atas kepimpinan dan keprihatinan baginda, perkembangan dan pembangunan belia di negara ini telah

berjaya dicapai termasuk pengisytiharan Hari Belia Kebangsaan yang disambut pada setiap 1 Ogos serta penubuhan Progran Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang melatih kepimpinan dan disiplin para belia, selain pendidikan yang diberikan secara percuma kepada rakyat oleh Kerajaan Kebawah DYMM.

Oleh itu, Yang Berhormat menasihati para belia, agar bukan sahaja mengambil peluang, malahan memainkan peranan masing-masing bagi kemajuan negara, selain itu jelasnya, sebagai generasi muda dan bakal pemimpin pada masa hadapan, belia tidak boleh terlalu selesa dengan kemudahan yang telah diberikan.

Yang Berhormat turut berharap agar Negara Brunei Darussalam akan terus kekal aman dan damai di bawah kepimpinan baginda.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Julai. - Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Majlis Santap Negara berlangsung meriah

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Md. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Julai. - Sempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Majlis Santap Negara bagi Tetamu-Tetamu Khas Kerajaan diadakan di Istana Nurul

Iman, di sini.

Ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei, pegawai dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, Dayang Raihanah binti Haji Azahari menjelaskan suasana pada majlis tersebut sangat meriah.

"Cara Melayu dan kain yang dikenakan untuk hadir ke majlis ini sememangnya berwarna putih mengikut protokol yang sudah ditetapkan, namun kemeriahan sambutan masih jelas kelihatan

dengan pakaian putih yang bermacam jenis dan berlainan fesyen," tambahnya lagi.

Pada kesempatan itu, beliau juga ingin menyampaikan ucapan Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-71 ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan semoga baginda dilanjutkan usia serta kekal karar memerintah negara.

Manakala itu, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), Soon Loo menjelaskan, kemeriahan pada Majlis Santap tersebut jelas menunjukkan bahawa seluruh rakyat di negara ini bersatu di bawah kepimpinan baginda dalam sama-sama



KETUA Pegawai Eksekutif, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei Darussalam, Soon Loo semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

meraikan Ulang Tahun baginda Ke-71 Tahun.

"Sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam, kita sememangnya bertuah kerana mempunyai



DAYANG Raihanah binti Haji Azahari, pegawai dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

pemimpin yang adil dan saksama seterusnya berharap agar baginda dilanjutkan usia serta kekal karar memerintah negara," ujar beliau lagi.

Brunei dilantik selaku Presiden ASSC



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh (kanan) hadir mewakili Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi Majlis Penyerahan Jawatan Presiden kepada Brunei Darussalam bagi tempoh dua tahun bermula pada tahun 2018 hingga 2019 pada majlis yang telah diadakan di Marriot Tang Plaza, Singapura.

REPUBLIK SINGAPURA. -

Viet Nam selaku Presiden ASEAN Schools Sports Council (ASSC) bagi tempoh 2016 - 2017 telah menyerahkan jawatan Presiden kepada Brunei Darussalam bagi tempoh dua tahun bermula pada tahun 2018 hingga 2019 di satu majlis yang telah diadakan di Marriot Tang Plaza, Singapura pada hari Jumaat, 14 Julai 2017.

Hadir selaku wakil Yang Berhormat Menteri Pendidikan ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh, yang seterusnya memberikan ucapan.

Turut hadir ialah Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee dan Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan yang turut berada di Singapura sebagai Chef de Mission bagi Kontinjen Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MSSBD) ke Kejohanan Sekolah-Sekolah ASEAN Ke-9, Singapura 2017.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

Penyerahan jawatan Presiden ASSC disempurnakan dengan penyerahan bendera ASSC oleh Timbalan Menteri Pendidikan dan Latihan Viet Nam, Puan Yang Terutama Nguyen Thi Nghia kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam, Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Sebelum Majlis Penyerahan Bendera Rasmi ASSC kepada Brunei Darussalam sebagai tanda Brunei Darussalam dilantik selaku Presiden ASSC, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ASSC Ke-71 (71st ASSC Technical Meeting) telah diadakan dan diteruskan dengan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ke-54 (54th ASSC Management Meeting).

ASSC ditubuhkan pada tahun 1978 dan pada awalnya dianggotai oleh Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand. Pada tahun ini, ahli ASSC telah menerima Myanmar sebagai ahli

yang baharu dan menjadikan sepuluh negara ASEAN menjadi ahli ASSC. Salah satu penganjuran terbesar yang dikendalikan oleh ASSC ialah penganjuran Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN yang pertama kali telah diadakan di Thailand pada tahun 2009.

Di antara matlamat penubuhan ASSC ialah untuk membantu memupuk kerjasama yang lebih erat dalam kalangan penuntut-penuntut sekolah di kalangan negara ASEAN; memacu kemajuan sosial melalui jalinan kerjasama dalam bidang sukan; menggalakkan kerjasama dan komunikasi yang lebih aktif dalam bidang sukan; menyumbang ke arah keamanan dan kestabilan rantau ASEAN; melahirkan atlet elit masa hadapan di rantau ASEAN; dan mendukung dasar negara anggota ASEAN bagi mendorong ke arah warga yang sihat melalui aktiviti sukan.

Brunei menerima pelancong China melalui Lucky Air

**Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Julai. - Pesawat penerbangan bersewa Yunan, Lucky Air dari China tiba di negara ini dari Nanning diikuti penerbangan seterusnya dari Kunming yang dijangkakan pada 18 Julai 2017.

Yunnan Lucky Air, syarikat penerbangan kos rendah China, sebelum ini beroperasi di 14 laluan antarabangsa dan kini memperluaskan rangkaian mereka ke Bandar Seri Begawan dari dua destinasi tersebut yang sebelum ini tidak disambungkan oleh mana-mana syarikat penerbangan.

Perkhidmatan penerbangan terus ini akan beroperasi dua kali seminggu bagi kedua-dua destinasi berkenaan dengan menggunakan Boeing 737-800 / Airbus 320.

Untuk penerbangan pertama ini, kebanyakan penumpang berada dalam lawatan pakej sama ada 4, 5 atau 8 hari yang terdiri daripada destinasi tunggal, iaitu Brunei termasuk pelancongan ke Labuan.

Perbelanjaan purata pelancong China setiap pakej adalah kira-kira BND1,100 di penginapan hotel bertaraf 5 bintang. Berdasarkan statistik yang disediakan oleh Jabatan Pembangunan Pelancongan melalui kajian yang dijalankan oleh Pusat Kajian Dasar Strategik (CSPS) pada awal tahun ini, pada tahun 2016 pendapatan pelancongan yang dihasilkan oleh pasaran China dianggarkan kepada berjumlah BND6,451,178.86 dengan purata tinggal 2.8 hari.

Di tahun yang sama, Brunei juga

telah menerima 40,383 pelancong China iaitu peningkatan 18.7 peratus dari 2015. Setakat ini pada suku pertama tahun 2017, Brunei telah menyaksikan peningkatan 25.8 peratus dalam tempoh yang sama pada tahun 2016.

Menurut pengendali pelancongan tempatan, pelancong China melancong bagi memperolehi lawatan berkualiti yang baik, menginap di tempat yang selesa, makan dengan enak dan menghabiskan lebih banyak masa dalam meneroka tapak-tapak yang menarik. Brunei merupakan destinasi ideal kerana ia adalah perjalanan yang agak singkat dari China, ia selamat, dan kaya dengan budaya dan warisan. Pelancong dapat melihat hutan hujan juga mudah diakses dan boleh dilakukan dalam perjalanan sehari atau semalam. Mereka begitu berminat untuk mengalami kehidupan seharian penduduk tempatan dan mempelajari lebih



PARA pelancong dari China tiba di negara ini dari Nanning, Republik Rakyat China dengan menggunakan pesawat Yunan, Lucky Air.

lanjut mengenai adat dan kebudayaan setempat.

Dengan ketibaan Lucky Air, ia akan mempromosikan peluang pelancongan di negara ini dan meningkatkan jumlah pelawat serta menyumbang kepada wawasan mencapai 450,000 kedatangan pelancong

menjelang 2020.

Ketibaan pesawat tersebut juga meningkatkan jumlah destinasi yang dihubungkan ke Negara Brunei Darussalam dari 16 hingga 18, dengan sejumlah enam daripada lima syarikat penerbangan pada tahun ini.

Panorama gemerlapan



Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

DALAM kesibukan kunjung - mengunjungi rumah saudara mara dan sahabat handai sempena Hari Raya Aidilfitri, kini bermulalah Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 bagi Tahun 2017.

Bagi menyemarakkan dan menceriakan suasana sambutan perayaan tersebut, Negara Brunei Darussalam mula bertukar wajah di keempat-empat daerah, telah dihias indah dengan pintu-pintu gerbang dan kain rentang yang cukup menarik.

Inilah yang diperlihatkan setiap kali menjelang Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini sama-sama bersemangat dalam menzahirkan rasa kesyukuran,

semangat patriotisme serta kenegaraan yang tinggi juga sokongan dan penyertaan pada acara kenegaraan ini.

Manakala premis-premis bangunan dan persekitarannya termasuk kedai-kedai juga dihias indah dengan pintu-pintu gerbang dan bendera-bendera Negara Brunei Darussalam. Keindahan di sekitar jalan raya utama di ibu negara, Kuala Belait dan Pekan Seria, Pekan Tutong serta Pekan Bangar turut mempersonakan dan menjadi tarikan para pelancong dari luar negara yang datang ke negara ini.

Semua ahli jawatankuasa yang terlibat sejak awal lagi bertungkus-lumus membuat persediaan bagi memastikan segalanya berjalan lancar sepertimana yang dirancang. Apa yang penting para ahli jawatankuasa serta para petugas yang terlibat memberikan komitmen yang bersepadu demi memastikan kelancaran sambutan tersebut.

Sama-samalah kita berdoa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia kekal karar memerintah negara, dikurniakan kesihatan yang baik serta memerintah dengan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.



سرداهي

منشكوري كقيمقنين راج

مسلمين يغ درمحي الله،

ماريله كيت منيغكنن كفتوان كيت كفلد الله سبحانه وتعالى دغن فنهو كيفينن دان كاخلاصن دغن ملاكوكن سكل سوروهنن دان منيغكلكن سكل لاراغنن. مدهمدهنن كيت منجادي انسان يغ برتقوي دان برلمان سرت سلامة ددنيا دان سلامة داخرة.

مسلمين يغ درمحي الله،

الحمد لله، برشكور كيت كفلد الله سبحانه وتعالى دان سلاكو رعية دان فندودوق دنكارا بروني دارالسلام يغ برليندوغ دباوه ناوغن كراجان كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكندا سلطان حاج حسن البلقية معز الدين والدولة سلطان دان يغ دفتوان نكارا بروني دارالسلام سجن دري دهولو لاكي هيغكله سكارغ تروس منعمي كهيدوفن يغ امان دان سنتوسا سرت هرموني دباوه كقيمقنين راج دان فمرينته يغ عادل لاكي بيحفسان.

كيت جوك برشكور كحضرة الله سبحانه وتعالى كران مغرباكن سئورغ راج دان فميمقنين يغ برتقوغوجواب، فمدولين دان كاسيه ترهادف رعيتن. سسغكوهن كقيمقنين بكندا منجرمينكن كفييادين يغ مليا دغن صفة فبايغ دان فمدولين ترهادف كبايغنن دان كمصلحنن رعية بكندا، دمان بكندا سغكوغ برچمر دولي برسام رعية دان فريهاتين تنغ اذوان ٢ دان فرمسلهن يغ دهفافي اوله رعية بكندا دان سغكوغ تورون فادغ منموي رعية دان مليهت سنديري فركمغنن دان كماجوان فروجيق ٢ كراجان يغ تله داوسهاكن دان سدغ داوسهاكن.

بايق كماجوان ٢ تله دجائي دان دنعمي دباوه فمرينتهن بكندا سهنگ منجاديكن نكارا بروني دارالسلام ساير يغ دغن نكارا ٢ لائن، دالم فلباكي بيدغ، بايك دالم بيدغ اكاه، فوليئيكن، ايكونومي، فنديدين، كصحنن دان لائن ٢ لاكي. ملك دغن كقيمقنين دان اوسها سرت ككيكيهن بكندا ايتله يغ مباوا نكارا بروني دارالسلام دكنلي دان دحرماتي دماي دنيا.

مسلمين يغ درمحي الله،

الحمد لله، كيت برشكور كدولتن نكارا، رعية دان فندودوق نكارا اين سنتياس ددالم نعمة دان رحمة الله سبحانه وتعالى، نكارا كيت جوك سنتياس ترقليهارا، امان دان سجهترا دباوه فمرينتهن، فمدولين دان كفريهاتين راج يغ سنتياس مغاوتامكن كبايغنن سرت كهرومين نكارا. كباوه دولي يغ مها مليا جوك اداله راج يغ سنتياس منيتيق برتنن اجارن اسلام دان حكوم ٢ الله دالم فنتديرون دان اوندغ ٢ نكارا.

مقصودن:

درفد ابن عمر رضي الله عنهما، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: مندغر دان طاعة كفلد كوا اداله منجادي كوايغنن كاتس اورغ اسلام دالم اف جوا فركارا فون، سام اد يغ دسوكلين دان يغ تيدق دسوكلين سلاكي اي تيدق دفرينتهن انتوق موبات معصية، مك جك اي دفرينتهن انتوق موبات معصية مك تيدقله بوله مندغر دان طاعة.

مسلمين يغ درمحي الله،

دالم سمبونن دان فرايان هاري كفتوان راج يغ كيت كاسيهي دان سنجوشي اين، مك سام ٢ له كيت مراعيكنن دغن فنهو كشكورن كحضرة الله سبحانه وتعالى دان سباكي تندا شكور دان طاعة ستيا كيت يغ تيدق برله بهاكي كفلد راج يغ دكاسيهي، مك ماريله كيت مغضاضيركن ديري كمسجد ٢، سوراو ٢ دان بالاي ٢ عبادة دسلورو نكارا باكي سام ٢ مباح سورة يس، تهليل دان دعاء كشكورن قد فثغ هاري اين يايي هاري جمعة، ١٤ جولي ٢٠١٧، دغن نية مدهمدهنن راج يغ كيت كاسيهي دلنجوتكن اوسيا، ككل قرار فمرينته نكارا، سنتياس فمقراوليهي كسلامتن، كسجهتران سرت سنتياس مندافة فمليهاران دان فربلندوغن درفد الله سبحانه وتعالى دان نكارا كيت اكن تروس امان معمور دباوه كقيمقنين بكندا. آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي

سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

{سورة غافر آية: ٦٠}

تفسيرن:

دان توهن كامو برفرمان: بردهاله كفلد كو نسجاي اكو فركننن دعاء كامو. سسغكوهن اورغ ٢ يغ ميموبوغنن ديري درفد برعبادة كفلد كو، اكن ماسوق نراك جهنم دالم كادان هينا.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَبِأَفْوَزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِنجَاةِ النَّاسِينَ.

اوله يغ دمكين، جاعنله كيت لوقا بهوا نعمة ٢ اين تيدق اكن ككل سلامان ساندانن تيدق دجك دان دقليهارا. بهكن بوله مغوندغ عذاب اتو بلاء بنجان. سسوغكوهن الله سبحانه وتعالى تله منرغكن كفلد اومة اسلام بهوا كونجي انتوق مغلكنن نعمة ترسيوت اداله دغن منظاهيركن راس شكور كفلدان. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة ابراهيم آيات ٧:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذْ تَأَذَّتْ رُجُومُكَ لَيْنَ شَكْرَتِكَ لَا زَيْدَ نَفْسِكَ

وَلَيْنَ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧٠﴾

تفسيرن:

دان ايغنه كتيك توهن كامو مبريتاهو دغن سجلس-جلسن: دمي سسغكوهن جك كامو برشكور ترهادف سكل نعمتكو تننو اكو اكن منمه نعمة ايت كفلد كامو دان دمي سسغكوهن، جك كامو كفور ترهادف نعمة ايت مك سسغكوهن عذابكو ساعة كراس.

مسلمين يغ درمحي الله،

كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكندا سلطان دان يغ دفتوان نكارا بروني دارالسلام اداله راج يغ ممرينته كراجان دان نكارا اين دالم معنى بكندا اداله اولي الامر. اوله ايت كيت واجب منطاعتي اولي الامر سباكيما فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة النساء آيات ٥٩:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ ﴿٥٩﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسيرن:

واهي اورغ ٢ يغ برلمان، طاعة له كامو كفلد الله دان طاعة له كامو كفلد رسول الله دان كفلد اولي الامر (اورغ ٢ يغ بركواس) درفد كالغن كامو.

اوله ايت، سباكي رعية دان فندودوق دنكارا اين هندقله كيت طاعة دان كاسيه كفلد فمرينته دان ممتوهي سرت منربما سكل اراهن كراجان سلاكي اراهن يغ دبريكن ايت تيدق برتننن دغن حكوم شرع. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ

فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

{رواه الإمام البخاري}

Jabatan Penerangan semarakkan sambutan Aidilfitri



MAJLIS Ramah Mesra Hari Raya Jabatan Penerangan meriah dengan dendangan lagu-lagu Hari Raya daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Julai. - Kemeriahan Sambutan Hari Raya Aidilfitri masih lagi dirasakan walaupun sudah memasuki minggu ketiga bulan Syawal 1438 Hijrah.

Pelbagai acara Sambutan Hari Raya giat dianjurkan oleh pelbagai pihak yang antara lain dihasrat untuk mengukuhkan silaturahim di samping memberi peluang untuk bermaaf-maafan di bulan

yang mulia ini.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya bertempat di Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan, Berakas.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Pemangku Timbalan

Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar serta para pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan beserta ahli keluarga masing-masing.

Majlis diserikan dengan beberapa persembahan nyanyian daripada ahli-ahli jawatankuasa majlis sambutan, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

Acara kemuncak majlis ialah cabutan nombor bertuah dan 'Grand Draw' berupa peralatan elektrik dan barangan asasi, hasil sumbangan daripada pegawai dan kakitangan jabatan.

Belaït catatkan tiga kelahiran anak damit

Oleh : Noraisah Haji Muhammed
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Belaït

KUALA BELAIT, Ahad, 16 Julai. - Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71, Daerah Belaït mencatatkan tiga kelahiran anak damit di Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), di sini.

Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata kepada Anak-anak Damit berkenaan telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, isteri Pegawai Daerah Belaït, Dayang Suraya binti Haji Mohd. Salleh.

Sumbangan dari Perbadanan TAIB pula diserahkan oleh Penolong Pengurus Am, Dayang Zamzaipa binti Haji Ismail.

Daripada jumlah tersebut, 17 anak damit dilahirkan di Daerah Brunei dan Muara, iaitu 15 anak damit dilahirkan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Hospital RIPAS) dan dua kelahiran anak damit di Hospital JMPC, manakala tiga anak damit dilahirkan di HSSB, Kuala Belaït. Tiada kelahiran anak damit dicatatkan di Daerah Tutong dan Daerah Temburong.



MAJLIS Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata kepada Anak-Anak Damit bagi Daerah Belaït disempurnakan oleh isteri Pegawai Daerah Belaït, Dayang Suraya binti Haji Mohd. Salleh.

Berkongsi kegembiraan bersama para pelancong



VANESSA Ossadnile dan Melanie Schmiedes (kiri), sementara gambar kanan, Lena Schoo dan Hermann Krause ketika ditemu bual Pelita Brunei.



Berita dan Foto :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Perkara tersebut turut dipersetujui oleh Hermann Krause yang menyaksikan perpaduan rakyat terhadap pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang aman dan sejahtera.

Kedua mereka juga berasal dari Jerman dan berpendapat, acara barisan kehormatan tersebut mempunyai keunikan dan makna tersendiri dalam mempamerkan rasa kasih rakyat kepada Kebawah DYMM sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda.

Dua mahasiswa dari salah sebuah universiti di Thailand berada di negara ini bagi mengikuti UBD Global Discovery Programme (GDP) selama sebulan turut melahirkan rasa puas hati kerana dapat melihat persembahan acara perbarisan tersebut dengan lebih dekat dan berpeluang melihat suasana kemegahan acara itu sebelum pulang ke negara asal mereka nanti.

Sakareeya Jeh-ovseng bin Maroryalee dan Mukhlis Che-mu bin Abdullah masing-masing menyatakan kemeriahan ini bukan sahaja dapat dikongsi oleh rakyat dan penduduk, malah menjadi satu memori buat para pelancong asing yang berasa sangat bertuah menyaksikan pemimpin yang dekat dengan rakyatnya pada istiadat berkenaan.

Mereka menambah, baginda sentiasa memeduli kebajikan rakyatnya, justeru secara tidak langsung memupuk perasaan kasih kepada raja yang sentiasa terpahat dalam hati rakyat.



SAKAREEYA Jeh-ovseng bin Maroryalee (kiri) dan Mukhlis Che-mu bin Abdullah (kanan) ... Kemeriahan ini bukan sahaja dapat dikongsi oleh rakyat dan penduduk, malah menjadi satu memori buat para pelancong asing yang berasa sangat bertuah menyaksikan pemimpin yang dekat dengan rakyatnya pada istiadat berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Julai. - Majlis Istiadat Barisan Kehormatan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, meriah dengan kehadiran sejumlah pengunjung yang ramai terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Bagi Vanessa Ossadnile dan Melanie Schmiedes, mereka tidak melepaskan peluang untuk menghadiri Istiadat Barisan Kehormatan tersebut bagi menyaksikan kehadiran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam serta kerabat diraja yang lain dengan lebih dekat.

"Kami berasa bertuah kerana berpeluang untuk menyaksikan acara yang gemilang ini," kata mereka yang berasal dari Jerman.

Ini sudah setentunya memberikan mereka satu pengalaman yang sangat berharga sepanjang berada di negara ini.

Sementara itu, Lena Schoo berkata, ia merupakan kali pertama beliau berada di negara ini dan berpeluang mengunjungi acara Barisan Kehormatan serta dapat menyaksikan dengan lebih jelas perbarisan lalu oleh pasukan-pasukan beruniform yang memakai pakaian seragam indah dengan barisan teratur.

"Saya sangat kagum melihat semangat bersatu padu yang ditunjukkan oleh rakyat di negara ini terhadap tanah air dan raja mereka melalui acara Barisan Kehormatan ini," katanya.

Skuad Kebangsaan Bawah 23 sertai kejohanan AFC



PENOLONG Setiausaha Agung NFABD, Pengiran Md. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud bergambar bersama Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Bawah 23 Tahun sebelum bertolak ke Myanmar bagi menyertai kelayakan Kejohanan Konfederasi Bola Sepak Asia Bawah 23.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Julai. - Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Bawah 23

Tahun telah berlepas ke Myanmar bagi mewakili negara dalam kelayakan bagi Kejohanan

Konfederasi Bola Sepak Asia Bawah 23 (Asian Football Confederation Under 23 - AFC).

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada 22 pemain pasukan bola sepak kebangsaan ialah Pemangku

Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (NFABD), Pengiran Md. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; para pegawai NFABD, ahli keluarga pemain dan rakan pasukan.

Sebanyak 40 pasukan ikut

serta dari seluruh Asia yang dibahagikan kepada 10 kumpulan. Pemenang berserta lima pasukan terbaik dari setiap kumpulan yang berada di tempat kedua akan maju ke Peringkat Akhir AFC pada tahun depan di China bermula 9 hingga 27 Januari.

Brunei Darussalam berada di Kumpulan 'F' dan akan memulakan perlawanan di Yangon menentang Australia pada hari Rabu sebelum berdepan dengan tuan rumah Myanmar pada hari Jumaat dan menamatkan kejohanan mereka menentang Singapura pada 23 Julai.

Skuad yang dilatih oleh Kwon Oh-son terdiri daripada pemain yang sama yang akan bersaing dalam Sukan Asia Tenggara (SEA) bulan depan di Kuala Lumpur dan ini merupakan kejohanan antarabangsa mereka yang pertama dalam pasukan.

Pengurus Pasukan ialah Pemangku Naib Presiden NFABD, Awang Haji Madli bin Haji Mohd. Yussof.

Jepun memenangi edisi terakhir kejohanan itu setelah menewaskan Korea Selatan 3 - 2 pada peringkat akhir dan tempat ketiga disandang oleh Iraq.

Penutupan jalan semasa junjung ziarah bersama rakyat Daerah Tutong

TUTONG, Ahad, 16 Julai. - Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun, Majlis Ramah Mesra Junjung Ziarah Bersama Rakyat di Daerah Tutong akan diadakan pada hari Selasa, 23 Syawal 1438 Hijrah bersamaan 18 Julai 2017 Masihi, bertempat di kawasan lapang Dewan Kemasyarakatan, Tutong.

Sehubungan itu, Pegawai Menguasa Balai Polis Tutong, Ketua Inspektor Shamsulnahr bin Haji Idris memaklumkan bahawa beberapa batang jalan raya akan ditutup pada hari tersebut.

Jalan-jalan yang akan ditutup adalah sepanjang Jalan Sungai Basong dari Simpang Tiga Jalan Sungai Besar (iaitu simpang menuju ke Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah) sehingga Simpang 59 (berdekatan dengan TelBru). Penutupan jalan ialah bagi pemandu-pemandu yang tidak mempunyai pas khas bermula daripada 7.30 pagi sehingga acara selesai.

Selain itu, Simpang Tiga Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong sehingga

pusing keliling (berdekatan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka Tutong) menuju ke Kompleks Sukan Tutong pula akan ditutup bermula jam 7.00 pagi sehingga majlis selesai.

Para pemandu yang tidak mempunyai pas khas dinasihatkan agar mematuhi arahan anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang bertugas untuk mengawal di jalan-jalan tutup tersebut.

Orang ramai juga diingatkan untuk menggunakan jalan-jalan alternatif, sentiasa berwaspada dan menanamkan sikap bertolak ansur semasa berada di jalan raya bagi mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Bagi jemputan-jemputan khas, adalah dinasihatkan agar menunjukkan pas khas kenderaan yang telah dikeluarkan oleh ahli jawatankuasa tertinggi sambutan majlis ini untuk memudahkan anggota-anggota polis bertugas memberikan laluan bagi meletakkan kenderaan mengikut zon-zon yang dinyatakan pada pas tersebut.

Walau bagaimanapun, para jemputan dinasihatkan agar hadir lebih awal sebelum jam 8.00 pagi sebagai langkah-langkah keselamatan bagi orang ramai yang menghadiri majlis pada hari

tersebut.

Empat jenis pas khas kenderaan dikeluarkan mengikut zon-zon yang tertentu iaitu bagi pemegang pas letak kereta VIP bolehlah meletakkan kereta mereka di kawasan Zon VIP yang bermula dari Pusing Keliling Dewan Bahasa dan Pustaka sehingga simpang keluar Kompleks Sukan Tutong (dari jalan belakang); Pemegang pas letak kereta Zon A adalah bagi jemputan-jemputan khas, iaitu di kawasan belakang Kompleks Dewan Seri Kenangan Tutong; Pemegang pas letak kereta Zon B pula adalah bagi jemputan-jemputan, iaitu di kawasan tapak tamu lama berdekatan Taman Seri Warisan Emas; dan pemegang pas letak kereta Zon C adalah bagi penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung Daerah Tutong, dan ketua-ketua jabatan, bertempat di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong.

Pihak polis menyeru agar orang ramai akan sentiasa memberi bantuan dan kerjasama dengan menyalurkan apa jua maklumat kegiatan jenayah di negara ini samada berhubung terus ke balai-balai polis berdekatan atau menghubungi talian Hotline polis 993.

Orang ramai juga disarankan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

untuk tidak leka dan sentiasa meningkatkan kewaspadaan semasa sama-sama meraikan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun pada tahun ini.

PEGAWAI Menguasa Balai Polis Tutong, Ketua Inspektor Shamsulnahr bin Haji Idris memaklumkan beberapa batang jalan di Daerah Tutong akan ditutup bagi Majlis Ramah Mesra Junjung Ziarah Bersama Rakyat sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-71 Tahun bagi Daerah Tutong



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelita-brunei.gov.bn

TINGKATKAN DAYA INOVASI, KREATIVITI HASILKAN PRODUK, PERKHIDMATAN BERKUALITI

دربیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتی اوله جباتن قنریقتن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.